

Kandungan

| | |
|--|---|
| 4 th Digital Library Conference | 1 |
| Rombongan PPM ke IFLA | 1 |

Semasa

| | |
|---|---|
| International Federation of Library Association Institutions (IFLA) | 2 |
|---|---|

Sekitar Perpustakaan

| | |
|------------------------------|---|
| Pameran Wanita & Warisan USM | 3 |
| Persidangan/Bengkel | 3 |
| Anugerah Pustakawan PPM | 4 |
| Lawatan ke Gua Mulu | 4 |
| ICADL 2002 | 5 |
| Pelancaran BLIS | 5 |
| Persidangan/Pameran | 6 |
| Kalendar Aktiviti 2003 | 6 |

Maklumat Korporat Penaja

| | |
|-----------------------|---|
| Elsevier Science | 7 |
| Pakej London BookFair | 8 |



Ketua pengarang

Maimunah Kadir

Sidang pengarang

Aripah Mohamed

Azmah Ishak

Hazmir Hj. Zainal

Mariati Embong

Norbaizura Hj. Malek

Grafik/layout

Rusiah Husin



4th Digital Library Conference

*Enriching Malaysiana Content for PERDANA
17-19 December 2002
National Library of Malaysia*

Dari 17 hingga 19 Disember, bertempat di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah berlangsung Persidangan Perpustakaan Digital ke 4 (4th Digital Library Conference) dengan tema "Enriching Malaysiana Content for PERDANA". Objektif persidangan ini antara lain bertujuan mengenalpasti arah tuju strategik bagi perkembangan sistem digital di Malaysia; membina landasan bagi interaksi di kalangan para pustakawan dan pembekal IT; menegenahkan isu-isu di dalam perkembangan perpustakaan digital dan berkongsi pengalaman berkaitan; serta untuk menggiatkan aktiviti pendigitalan di kalangan perpustakaan-perpustakaan. Persidangan yang amat signifikan dalam perkembangan era ICT ini telah membicarakan banyak isu menarik bermula daripada

Lihat muka 5

Rombongan PPM ke 68th IFLA di Glasgow, Scotland

Untuk kedua kalinya, PPM telah berjaya menganjurkan rombongan untuk ahli-ahlinya menghadiri IFLA. Pada tahun lepas PPM telah menganjurkan rombongan untuk 67th IFLA yang telah berlangsung di Boston. Rombongan tersebut telah juga melawat New York dan Library of Congress di Washington.

Pada tahun ini pula, rombongan ke Glasgow telah juga dianjurkan dengan jayanya. Seramai 29 orang telah menyertai rombongan ini yang mana hampir keseluruhannya adalah ahli PPM. Terdapat juga beberapa orang pembekal dan Ahli Majlis Perpustakaan Negeri yang telah turut serta.

Pada keseluruhannya bilangan peserta dari Malaysia yang telah menyertai



Antara Delegasi Malaysia ke IFLA bersama Presiden IFLA yang di lantik K. Raseroka



Delegasi Malaysia ke IFLA bergambar kenangan di Tower Bridge London

Lihat muka 8



Berita PPM Keluaran November/Disember 2002 ini ditaja oleh Elsevier Science Sdn. Bhd

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)

Statement on Libraries and Sustainable Development

Meeting in Glasgow on the occasion of the 75th anniversary of its formation, the International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)

- Declares that all human beings have the fundamental right to an environment adequate for their health and well-being.
- Acknowledges the importance of a commitment to sustainable development to meet the needs of the present without compromising the ability of the future¹.
- Asserts that library and information services promote sustainable development by ensuring freedom of access to information.

IFLA further affirms that:

- The international library and information community forms a network that connects developing and developed countries, supports the development of library and information services worldwide, and ensures these services respect equity, the general quality of life for all people and the natural environment.
- Library and information professionals acknowledge the importance of education in various forms for all. Library and information services act as gateways to knowledge and culture. They provide access to information, ideas and works of imagination in various formats, supporting personal development of all age groups and active participation in society and

decision-making processes.

- Library and information services provide essential support for lifelong learning, independent decision-making and cultural development for all. Through their vast collections and variety of media, they offer guidance and learning opportunities. Library and information services help people improve educational and social skills, indispensable in an information society and for sustained participation in democracy. Libraries further reading habits, information literacy and promote education, public awareness and training.
- Library and information services contribute to the development and maintenance of intellectual freedom and help safeguard basic democratic values and universal civil rights. They respect the identity, independent choice, decision-making and privacy of their users without discrimination.
- To this end, library and information services acquire, preserve and make available to all users without discrimination the widest variety of materials, reflecting the plurality and cultural diversity of society and the richness of our environments.
- Library and information services are helping to tackle information inequality demonstrated in the growing information gap and the digital divide. Through their network of services, information on research and innovation is made available to advance sustainable development and the welfare of peoples worldwide.

IFLA therefore calls upon library and

information services and their staff to uphold and promote the principles of sustainable development.

This Declaration was approved by the Governing Board of IFLA meeting on 24 August 2002 in Glasgow, Scotland, United Kingdom.

International Federation of Library Associations and Institutions
P O Box 95312
2509 CH
THE HAGUE
Netherlands
Telephone: +31 70 3140884
Fax: +31 70 3834827
Email: ifla@ifla.org
Website: www.ifla.org

¹ The World Commission on Environment and Development (Brundtland Commission). *Our Common Future*. Oxford: Oxford University Press, 1987.

Pameran Wanita dan Warisan di Perpustakaan USM

Sumbangan

Che Norma Bahri, Pustakawan Kanan, Perpustakaan USM

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah menganjurkan Pameran Wanita dan Warisan sempena Pelancaran Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita, USM dan Tahun Wanita dan Warisan 2002. Pameran yang sepatutnya berlangsung dari 19 September hingga 31 Oktober 2002 telah dilanjutkan hingga ke 30 November 2002 kerana sambutan yang menggalakkan.

Pameran Wanita dan Warisan yang bertempat di foyer Perpustakaan Utama I memaparkan buku serta maklumat visual (poster, gambar, dll.) dan elektronik mengenai pengalaman dan ketokohan wanita sejagat dalam mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan untuk mencapai status hari ini.

Pameran ini merangkumi kemajuan dan pencapaian wanita dalam pelbagai bidang. Bahan Pameran disusun di bawah topik-topik Sosiologi dan Antropologi, Organisasi/Forum, Kepimpinan dan Politik, Sains dan Teknologi, Ekonomi, Seni dan Budaya, Bahasa dan Sastra, dan Penyelidikan dan Pembangunan. Antara tokoh yang dipaparkan termasuk



CNB/Pameran Wanita & Warisan

Margaret Mead, Maya Angelou, Aung San Suu Kyi dan Mother Theresa, sementara tokoh tempatan termasuk Khatijah Sidek, Zakiah Hanum, Adibah Amin dan F. R. Bhupalan.

E-Bibliografi Wanita & Warisan pula boleh dilayari melalui laman web Perpustakaan di <http://www.lib.usm.my>.

Perasmian Pameran pada 19 September 2002 telah disempurnakan oleh isteri TYT Gabenor Pulau Pinang, Toh Puan Hajjah Majimor Shariff.

Consal XII Brunei Darussalam 2003



Early Announcement and Call for Papers - Bandar Seri Begawan,

Date :

4 - 8 May 2003

Venue :

Brunei Darussalam

Organized by :

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam with the Cooperation of the Brunei Darussalam Library Association and supported by the CONSAL Secretariat Singapore, and Ministry of Culture Youth and Sports, Brunei Darussalam

Secretariats :

Consal XII - 2003 Brunei Darussalam
Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Bandar Seri Begawan BB3510
Brunei Darussalam
Tel: 673-2-235501 ext. 112, 114, 115
Fax: 673-2-381817
Email: chieflib@brunet.bn
<http://www.ppknbd.org.bn>
<http://www.consal.org.sg>
<http://www.ubd.edu.bn>

Persidangan / Bengkel

CALIBER 2003

1st International Convention on Automation of Libraries in Education and Research Institutions (CALIBER 2003) on Mapping Technology on Libraries and People
13 - 15 February 2003, Ahmedabad, India

<http://www.inflibnet.ac.in/calibers/calibers03.htm>



• 25-27 March 2003 •
National Exhibition Centre (NEC)
Birmingham, UK

Connecting Content and Technology
<http://www.internet-librarian.com>

Anugerah Pustakawan Harapan PPM

Pengenalan

Anugerah ini merupakan satu penghargaan dari Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) kepada pustakawan muda di negara ini yang telah menunjukkan pencapaian yang boleh dibanggakan di dalam bidang kepustakawanan. Pencapaian tersebut mestilah dibuat di peringkat awal kerjaya mereka. Pemenang anugerah ini akan diumumkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan PPM.

Tujuan

Tujuan pemilihan ini adalah seperti berikut:

- Untuk mengiktiraf pustakawan yang telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan di awal kerjaya mereka.
- Untuk menggalakkan penglibatan pustakawan muda di peringkat pengurusan.
- Untuk mempromosi bidang kepustakawan kepada masyarakat umum; dan
- Untuk menggalakkan keahlian Persatuan Pustakawan Malaysia.

Kriteria Pemilihan

Calon-calon yang layak untuk dipertimbangkan hendaklah mempunyai **sekurang-kurangnya satu** daripada kriteria berikut:

- Sedia untuk berkerjasama dalam mempertingkatkan bidang kepustakawanan.
- Telah menunjukkan corak pengurusan perpustakaan yang efektif.
- Berjaya dalam mempromosi penggunaan perpustakaan
- Penglibatan dalam bidang kepustakawan di luar organisasi bertugas.
- Berjaya menghasilkan penulisan yang dapat mempertingkatkan profesion.
- Membuat penyelidikan yang boleh membantu memajukan bidang kepustakawanan

Peraturan Pemilihan

- Nama anugerah adalah Anugerah Pustakawan Harapan PPM.
- Calon-calon yang layak menerima anugerah ini hendaklah mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh PPM.
- Penerimaannya hendaklah sudah bekerja di bidang kepustakawan tidak lebih dari sepuluh tahun.
- Umur tidak lebih dari 35 tahun.
- Menjadi ahli PPM sekurang-kurangnya 5 tahun berterusan pada tahun penerimaan anugerah.
- Penerimaannya hanya layak untuk menerima anugerah ini

sekali sahaja.

- Anugerah ini tidak perlu diberi jika lembaga pemilihan merasakan tiada penerima yang sesuai pada masa itu.

Jawatankuasa Pemilihan

- Jawatankuasa Pemilihan terdiri daripada ahli-ahli Majlis PPM yang dipengerusikan oleh Yang Di Pertua.
- Perbincangan Jawatankuasa Pemilihan adalah sulit

Pencalonan

- Pencalonan hendaklah dibuat melalui cadangan, dengan keizinan calon, atau
- Pencalonan sendiri adalah dibenarkan sekiranya calon menjawat jawatan tertinggi di perpustakaan bertugas. Pencalonan sedemikian hendaklah disokong.
- Kertas pencalonan hendaklah disertakan dengan kriteria-kriteria yang menyokong pencalonan.
- Ahli jawatankuasa pemilihan dan keluarga terdekat tidak boleh membuat pencalonan/dicalonkan.

Pemilihan

- Calon mungkin di minta untuk menghadiri temubual jika dirasakan perlu
- Lawatan ke perpustakaan/pusat maklumat calon boleh dilakukan jika perlu.
- Calon hendaklah bersedia memberikan maklumat tambahan jika di minta oleh Jawatankuasa Pemilihan
- Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad dan segala surat menyurat tidak akan dilayani.

Hadiah

- Trofi dan sijil penghargaan.
- Yuran ahli PPM seumur hidup.
- Satu pakej penuh untuk menghadiri seminar/persidangan yang dianjurkan oleh PPM dalam masa setahun dari tarikh penerimaan anugerah.



Lawatan ke Gua Mulu

Seramai 15 orang ahli majlis PPM beserta keluarga masing-masing akan menyertai lawatan ke Gua Mulu Miri, Sarawak dari 28-31 Disember 2002. Rombongan ini akan diketuai sendiri oleh YDP PPM iaitu Dato Zawiyah Baba. Rombongan ini merupakan salah satu aktiviti sosial bagi ahli majlis PPM. Laporan mengenai lawatan ini akan disiarkan dalam berita PPM isu Feb/Mac 2003.

4th Digital Library Conference

Dari muka 1

visi dan arah tuju perpustakaan digital, keperluan tenaga manusia dan teknikal, isu-isu perundangan hinggalah kepada penggubalan standard dan aspek-aspek di dalam pangkalan data komersil, perlesenan dan konsortium.

Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Nuraizah Abdul Hamid, Pengerusi Malaysian Communications and Multimedia Commission. Beliau juga telah menyampaikan ucapan bagi persidangan tersebut serta melancarkan Konsortium Perpustakaan Negara bagi pangkalan-pangkalan data elektronik. Persidangan tersebut adalah anjuran bersama PNM dan PPM. Seramai 203 orang peserta telah mengahadirinya. Ini jelas membuktikan komitmen peserta

bagi memastikan agenda Perpustakaan Digital dapat dibincang bagi kepentingan pembinaan kandungan digital tempatan. Tidak ketinggalan ialah pameran dari 12 buah syarikat pembekal telah berlangsung sepanjang 3 hari persidangan. Selain dari itu pameran poster juga diadakan. Sebanyak lebih 30 kertaskerja telah dibentangkan dan beberapa *product highlights* telah berlangsung dengan jayanya.

Sepanjang berlangsungnya persidangan ini, beberapa sesi promosi produk berkaitan oleh syarikat-syarikat dari dalam dan luar negara juga turut diadakan.

Bersempena dengan sambutan Aidilfitri 1423 hijrah ini juga PPM turut menganjurkan Malam Salam Aidilfitri bagi meraikan para ahli PPM dan peserta Persidangan.

5th International Conference on Asian Digital Libraries (ICADL 2002)

Dari 11 hingga 14 Disember yang lalu telah berlangsung International Conference on Asian Digital Libraries (ICADL) di Hotel Grand Hyatt, Singapura. Persidangan ini menjadi forum penting kepada para peserta bagi bertukar-tukar hasil penyelidikan asli, berkongsi idea dan melihat 'state-of-the-art' di dalam perkembangan perpustakaan digital. ICADL 2002 ini adalah anjuran bersama Division of Information Studies, School of Communication and Information, Nanyang Technological University, National Library Board of Singapore, Nanyang Technological University Library, National University of Singapore Libraries, Library Association of Singapore dan Library and Information Technology

Association (Singapore). Ia diadakan serentak dengan 3rd International Conference on Web Information Systems Engineering (WISE 2002).

ICADL 2002 dengan tema "Digital Libraries: People, Knowledge & Technology" ini bermula dengan siri tutorial pra-persidangan meliputi topik-topik seperti "Evaluating Digital Libraries for Usability", "Knowledge Management Systems: A Text Mining Perspective", Digital Libraries: Theory and Practice" dan "Dublin Core Metadata".

Upacara perasmian bagi kedua-dua ICADL2002 dan WISE2002 ini telah berlangsung pada 12 Disember lalu dan disempurnakan oleh Dr. Tan Chin Nam, Setiausaha-Tetap Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kesenian Singapura merangkap Pengerusi National Library Board of Singapore (NLB). Ia diikuti dengan sesi

ucapata bagi kedua-dua persidangan. Sesi kemudian dibahagikan kepada pembentangan-pembentangan hasil penyelidikan dan kertas-kertas kerja yang dijalankan secara serentak. Pembentangan berdasarkan topik-topik khusus ini turut diselangi sesi ceramah oleh penceramah jemputan daripada organisasi penyelidikan terkemuka. Antara yang menarik adalah "Challenges in Building the Digital Library for the 21st Century" oleh Christine Borgman dari UCLA, Amerika Syarikat dan "Building Digital Libraries Made Easy: Towards Open Digital Libraries" oleh Edward Fox dari Virginia Tech, Amerika Syarikat.

Buat julung-julung kalinya Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah menganjurkan ICADL 2003 nanti. ICADL yang lalu telah diadakan di Hong Kong (1998), Taipei (1999), Seoul (2000) dan Bangalore (2001).



Pelancaran Bernama Library and Infolink Service (BLIS)

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) pada 22 Oktober 2002 lepas bertempat di Pusat Maklumat dan Perpustakaan Bernama, telah melancarkan perpustakaan dalam talian elektronik yang membekalkan berita dan maklumat mengenai Malaysia bagi mempelbagaikan perkhidmatannya kepada pelanggan. BLIS atau Bernama Library and Infolink Service ini adalah portal penyelidikan dan perpustakaan yang menyediakan maklumat paling lengkap dan tepat mengenai pasaran, ekonomi, industri dan personaliti-personaliti Malaysia. Perasmian telah disempurnakan oleh Syed Jamil Syed Jaafar, Pengurus Besar Bernama. Untuk maklumat lanjut sila lawati <http://blis.bernama.com>.

Persidangan / Bengkel

**World Library and Information Congress
70th IFLA General Conference and Council**

Subject :

Libraries : Tools for Education and Development

Date :

20th - 27th August 2004

Venue :

Buenos Aires, Argentina

Additional Information :

<http://www.ifla.org>
bibliotecarios@el-libro.com.ar

**ERANET Seminar:
Policies for Digital
Preservation**

Date :

29th - 30th January 2003

Venue :

Fontainebleau, Paris, France
<http://www.erpanet.org>

Additional Information :

dutch.editor@erpanet.org / coordinator@erpanet.org

| Kalendar Aktiviti PPM 2003 | Tarikh | Tempat |
|---|-----------------------|--------------------------------------|
| 1. Internet-Based Information Services Web Searching | 19 - 20 Februari 2003 | HUKM |
| 2. Workshop Research for LIS: Analysis & Reporting | 25 - 27 Februari 2003 | Universiti Malaya (UM) |
| 3. Kursus Pembantu Perpustakaan dan Pusat Maklumat Lanjutan | 8 - 13 Mac 2003 | Kuala Kubu Baru, Selangor |
| 4. Rombongan PPM ke Pesta Buku London | 16 - 18 Mac 2003 | London |
| 5. Bengkel Pengurusan Rekod | 18 - 20 Mac 2003 | Kuching/K. Kinabalu |
| 6. Symposium on Library / Librarian Association | 28 Mac 2003 | Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) |
| 7. Mesyuarat Agung PPM | 29 Mac 2003 | PNM |
| 8. Knowledge Management Workshop | 28 - 29 April 2003 | Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| 9. Bengkel Metadata | 9 - 10 April 2003 | PNM |
| 10. Rombongan ke CONSAL, Brunei | 4 - 8 Mei 2003 | Brunei |
| 11. MARC Tagging | 14 - 15 Mei 2003 | - |
| 12. Conference on Changes and Challenges of Public Library | 23 - 25 June 2003 | Pulau Pinang |
| 13. Bengkel Kemahiran Maklumat | 22 - 27 Julai 2003 | Terengganu |
| 14. Rombongan PPM ke IFLA Berlin | 1 - 9 August 2003 | Berlin |
| 15. Bengkel Pendigitalan Dokumen | 11 - 12 August 2003 | UPM |
| 16. Course on Cataloguing Electronic Resources | Oktober 2003 | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) |
| 17. International Conference on Asian Digital Libraries (ICADL) | 9 - 12 Disember 2003 | Kuala Lumpur |



**ELSEVIER
SCIENCE**

Elsevier Science offers broad and deep coverage of STM content

- 1,500 Journal Titles
- 12 online Major Reference Works
- 18 Elsevier Science reference Databases
- 5 Participating Publisher Databases
- 8 Science Portals
- 100 million Indexed Web Pages
- 40 million pages of Backfile Collections where possible starting with volume 1, Issue 1

Backfiles Available now;

Organic Chemistry; Inorganic Chemistry; Chemical Engineering ; physical and Analytical Chemistry; Mathematics; Economics, Econometrics and Finance; Business, Management and Accounting; Psychology, Social Science; Physics General; High Energy/Nuclear Physics and Astronomy.

Coming soon;

Engineering and Technology; neuroscience; Earth and Planetary Sciences; Medicine; Materials Sciences; Decision Sciences; Computer Science; Environmental Sciences; Energy and Power; Agricultural and Biological Sciences.

**ELSEVIER
SCIENCE** *The Art of Information Solution*

The internet has revolutionized the research process, and scientists and practitioners have a whole new set of expectations for information delivery. The role of Librarians and information specialists has evolved as well. Elsevier Science, the world's leading scientific, technical and medical (STM) publisher, has responded to the changing landscape by offering a powerful and flexible array of information solutions. Using our open electronic delivery platforms, researchers and practitioners have 24/7 access to the world's best, most complete suite of STM information available.

Today, millions of scientists, researchers and practitioners working around the globe rely on Elsevier Science as their discovery resource of choice.

Elsevier Science offers:

- The world's most comprehensive suite of STM information
- Content you can trust
- Unsurpassed accessibility
- Training and support to enhance usage
- Flexible licensing and purchase options
- Choice, flexibility and value

Elsevier science offers broad and deep coverage of STM content with services for interdisciplinary and specialist libraries. We provide:

- Access to literature across every field of sciences
- Navigation of the world's STM literature with the leading bibliographic databases
- Access to content from other STM publishers and the web
- Robust features and functionality including browsing, search and retrieval functions, and personalization features
- A continuously expanding suite of inward and outward linking capabilities-across multiple platforms, traversing databases, full text, references and citations
- State-of-the-art technology whether your platform of choice is online, onsite or a customized system

For more information, please contact:

RSO Asia Pacific 3
Killiney Road #08-01
Winsland House
Singapore 239519
Tel: + 65 6 3490222
Fax: + 65 6 733 1510
Email:asiair fo@elsevier .com

Rombongan PPM ke 68th IFLA di Glasgow, Scotland

Dari muka 1

IFLA adalah menjangkau 50 orang, salah satu negara yang menghantar delegasi terbesar ke persidangan tersebut.

Rombongan telah berlepas dari KLIA pada 14/8/2002 dengan menaiki pesawat MAS MH04 ke London. Para peserta telah ditempatkan di Hotel Novotel Hammersmith di Barat London selama dua malam. Aturcara bermula pada keesokan harinya dengan lawatan setengah hari mengelilingi Bandaraya London. Banyak tempat-tempat menarik dan bersejarah yang telah dilawati. Pada sebelah petangnya peserta telah dibawa untuk melawat British Library.

Lawatan berpandu yang telah diatur khas itu telah berjalan lancar dan bermanfaat. Bagi kebanyakan peserta, itulah lawatan ke British Library pertama buat mereka. Hampir keseluruhan bahagian di British Library telah dilawati, satu perkara yang tidak mungkin dapat dilakukan jika kita pergi bersendirian.

Pada keesokan harinya adalah acara bebas sebelum berangkat untuk ke Glasgow pada sebelah petang. Semestinya para peserta mengambil kesempatan untuk membeli-belah di Oxford Street.

Ahli rombongan telah sampai di Glasgow pada lewat petang 16/8/08. Pada keesokan harinya peserta telah dibawa untuk melawat di sekitar bandaraya Glasgow. Antara tempat-tempat yang dilawati adalah sekitar kampus University of Glasgow dan University of Straclyde sebelum dibawa ke tempat persidangan untuk pendaftaran. Kertas kerja mula dibentangkan pada keesokan harinya.

IFLA 68th telah berjalan dengan lancar dan meriah. Beratus-ratus kertas kerja telah dibentangkan. Peserta haruslah bijak memilih sesi-sesi yang hendak dihadiri dengan merujuk buku program yang telah dibekalkan. Hampir setiap petang dan malam, jemputan resepsi dan makan malam diterima. Terpujanglah kepada individu untuk menghadirinya.

Pihak penganjur juga telah menyediakan lawatan-lawatan ke perpustakaan, bergantung kepada minat individu. Turut diselitkan adalah lawatan ke Edinburgh untuk menyaksikan pertunjukan tatu dan resepsi utama persidangan.

Pihak penganjur dari PPM pula telah mengambil kesempatan untuk menganjurkan lawatan sampingan khas untuk peserta dari Malaysia untuk melawat Tasik Loch yang masyhur dengan Loch Nessnya itu. Hampa kerana Loch Ness tidak muncul, ramai peserta akhirnya telah membeli Loch Ness yang diperbuat dari porcelain sebagai kenangan.

Rombongan berlepas pulang ke Malaysia dari Glasgow pada 24/8/2002 dan selamat sampai di KLIA pada 25/8/2002.



Antara Ahli Majlis PPM bergambar bersama Ross Schimmon, Setiausaha Agung IFLA

Pakej London Bookfair

16-18 Mac 2003

Pada bulan Mac 2003, PPM akan menganjurkan pakej ke London BookFair yang berlangsung di Olympia dari 16-18 Mac 2003. Pakej selama 9 hari 7 malam ini adalah dianggarkan berjumlah sekitar RM4,800 seorang bagi *twin sharing*. Peserta akan ditempatkan di Hotel Holiday Villa, London di samping menikmati masakan melayu yang halal.

Selain daripada membuat pemilihan buku di London BookFair beberapa aktiviti akan dirancang bagi memenuhi program tersebut seperti lawatan ke British Library, Oxford University, Loughborough University serta melawat Kota London. Selain daripada pustakawan, tawaran ini juga dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang ingin turut serta. Kami telah pun menerima maklumbalas bahawa beberapa pustakawan dan pembekal buku yang berminat untuk menyertai pakej tersebut. Oleh itu jangan lepaskan peluang ini. Kepada sesiapa yang berminat sila berhubung dengan :

Puan Maimunah Kadir di email : mai@mail.hukm.ukm.my
atau

En. Hasbullah Atan di email : hasbullah@imu.edu.my

Maklumat lanjut akan diterbitkan dalam isu berita PPM Feb/Mac 2003

Sumbangan Berita

Berita PPM akan sentiasa mempertingkatkan kualiti kandungannya. Oleh itu kami amat mengalu-alukan sumbangan berita dan rencana daripada para ahli PPM. Sebarang sumbangan bolehlah di hantar ke alamat:

*Puan Maimunah Kadir
d/a Perpustakaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak
56000 Cheras
Tel: 03-91702288
E-mail: mai@mail.hukm.ukm.my*